

16/11/2001

Tambang bas sekolah kekal

KUALA LUMPUR, Khamis - Pengusaha bas sekolah di seluruh negara membatalkan hasrat menaikkan tambang kenderaan itu tahun depan berikutan keputusan kerajaan menurunkan semula harga runcit diesel 10 sen kepada harga lama, mulai esok.

Presiden Persekutuan Persatuan Bas Sekolah Malaysia, Chee Ah Tey, berkata keputusan kerajaan itu adalah berita baik untuk semua pengusaha bas sekolah dan orang ramai.

Berikutan keputusan itu, katanya, pengusaha bas sekolah di seluruh negara akan menunaikan janji untuk mengekalkan tambang bas seperti sekarang.

"Jika harga diesel naik, pengusaha bas sekolah tidak ada pilihan lain kecuali menaikkan tambang bas pada tahun depan.

"Bagaimanapun, kerana kerajaan bersetuju menurunkan semula harga diesel, kita tidak ada alasan lagi untuk menaikkan tambang," katanya.

Kementerian Kewangan hari ini mengumumkan harga runcit diesel yang dinaikkan 10 sen seliter mulai 20 Oktober lepas diturunkan semula kepada harga lama mulai esok.

Dalam satu kenyataan, kementerian itu berkata, keputusan menurunkan semula harga itu diambil kerana kerajaan prihatin terhadap rungutan pengusaha pengangkutan awam dan nelayan mengenai kesan kenaikan itu terhadap kos operasi mereka dalam keadaan ekonomi sekarang.

Kenaikan itu diumumkan dalam Belanjawan 2002 yang dibentangkan di Parlimen pada 19 Oktober lalu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan.

(END)